

جرنل قنديقر اسلام

Jurnal

PENDIDIKAN ISLĀM

Jilid 9 Bil. 2 Disember 2000 / Syawal 1421H ISSN 0127-5-153 Harga RM 10.00

Ketua Pengarang

DR. GHAZALI BASRI

Penolong Ketua Pengarang

DR. ROSNANI HASHIM

Sidang Pengarang

DR. AB. HALIM EL-MUHAMMADY

HJ. AHMAD MOHAMAD SAID

DR. CHE NORAINI HASHIM

Diterbitkan Oleh:

INSTITUT PENGAJIAN ILMU-ILMU ISLAM (IPI)

29-2, Jalan 46B/26, Pusat Bandar Sri Rampai, 53300 Kuala Lumpur

Tel: 03-41428736, 41493433 / 82 Fax: 03-41428772

E-mail: rektor@po.jaring.my Laman Web: www.institute-ipi.com



RENCANA PENGARANG

Satu hakikat yang tidak dapat dinafikan bahawa kewujudan tamadun manusia hingga masa sekarang ialah kesan daripada pendidikan Islam mengasaskan ide-ide besar dalam memahami hak-hak asasi manusia. Salah satu daripada matlamat pendidikan Islam ialah untuk memastikan perkara-perkara berikut seperti mana yang terkandung dalam konsep *al-dhururiyyat al-khomsah* atau dalam Bahasa Melayu diertikan sebagai Keperluan Asas yang Lima iaitu pertama, menjaga agama, kedua menjaga jiwa, ketiga menjaga harta, keempat menjaga akal dan kelima menjaga kemuliaan zuriat dan keturunan. Malah Ibnu Khaldun menerusi karya agungnya *al-Mukaddimah* mengambil pendekatan yang sama dalam menghurai faktor-faktor penting yang perlu dipastikan bagi menjamin kesejahteraan mana-mana juga kelompok masyarakat.

Marilah kita analisa satu persatu mengenainya. Pertama menjaga agama, bererti memastikan agama Islam yang dianuti seseorang benar-benar dapat berfungsi sebagai pemandu, pengawal serta penggerak kepada perlakuan amal soleh. Hanya dengan berfungsinya agama dalam kehidupan seseorang itu, memungkinkan seseorang itu mempunyai keyakinan diri serta benar-benar tahu menjaga batas-batas halal-haram yang kemudiannya melahirkan akhlak mulia dan jati-diri yang mantap. Andainya, agama terhakis, pegangan agama menjadi lemah, maka akan berlaku pelanggaran-perlanggaran sistem nilai kemanusiaan. Ia bukan sahaja merosakkan individu, malah seluruh masyarakatnya. Kedua, keperluan menjaga nyawa. Nyawa adalah anugerah Allah s.w.t. dan hanya Allah berhak memberi dan mengambilnya. Oleh kerana itu Islam mengharamkan seseorang mengambil (membunuh diri) tanpa hak. Pendidikan Islam mengambil perhatian berat terhadap aspek nyawa, sama ada dari sudut kesihatan (fizikal) mahupun dari segi kerohaniannya. Kurikulum yang dibangunkan dalam apa juga peringkat pendidikan akan dipastikan ada keseimbangan antara pembangunan kognitif (akal) dengan pembangunan fizikal dan kerohanian. Aktiviti ko-kurikulum seperti khemah ibadah, halaqah, usrah adalah di antara beberapa yang dimaksudkan. Ketiga, menjaga harta benda, sama ada hak perseorangan, persatuan, komuniti ataupun negara daripada rosak atau dimusnahkan. Tiada siapa pun atas apa jua alasan dibolehkan harta-benda dimusnah tanpa hak.

Keempat, menjaga akal manusia daripada sebarang gangguan yang boleh mencemarinya. Akal manusia mestilah dipelihara agar ianya sentiasa dapat berfungsi sebagai pemandu ke jalan rasional lagi benar. Andaikata, jika ia diganggu sama ada disengaja atau tidak sengaja seperti pengambilan dadah, meminum minuman keras dan seumpamanya, sudah pastilah akal tidak dapat berfungsi lagi dan ini akan mengakibatkan berbagai bentuk tindakan mungkar dan zalim seperti yang

dapat kita saksikan. Kelima, menjaga kemuliaan zuriat dan keturunan daripada sebarang anasir yang boleh mencemarinya, seperti perzinaan, bersekedudukan, anak luar nikah dan sebagainya. Dengan adanya institusi perkahwinan yang disyaria'atkan Islam di kalangan umat manusia, kehidupan serta kerukunan rumahtangga dapat menjamin kelangsungan zuriat. Selain daripada institusi perkahwinan, termasuk juga dalamnya keperluan menjaga budaya dan bahasa yang menjadi alat kelangsungan satu-satu kelompok umat. Justeru itu jika ditelusuri isi kandungan pendidikan Islam, ia mencakupi aspek-aspek mu'alamat (kemasyarakatan) dan munakahat (pernikahan dan kekeluargaan). Membangun serta memelihara kelangsungan keluarga adalah menjadi tanggungjawab setiap individu.

Jika dianalisa kelima-kelima perkara di atas, jelaslah selain daripada ia memperlihatkan kepada kita peri penting keperluan tersebut dipelihara, ia juga memperlihatkan aspek urutan keutamaan (fiqh al-awlawiyyat). Dalam konteks ini memelihara agama menduduki tempat yang paling atas sekali. Ini bererti dalam apa keadaan sekalipun, kepentingan agama mestilah diutamakan, kerana yang lain-lainnya seperti kepentingan nyawa, hartabenda, akal dan keturunan tidak akan bermakna lagi jika sekiranya agamanya tidak berfungsi lagi. Justeru itu dapat disimpulkan bahawa matlamat utama pendidikan Islam ialah untuk mewujudkan suasana sejahtera yang dapat memelihara serta menyuburkan proses kehidupan beragama seutuhnya.

Ketua Pengarang

Penyumbang (Contributors)

Prof. Dr. Shahrir Bin Mohamad Zain
Presiden ASASI

Dato' Mohd Mokhtar Shafii
Timbalan Rektor, Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam (IPI)

Dr. Wan Sulaiman Wan Yusoff
Pensyarah, Jabatan Ekonomi, Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan,
Universiti Islam Antarabangsa

Dr. Ghazali Basri
Rektor, Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam (IPI)

Rosdi Bin Yusof
Pensyarah, Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam (IPI)

